



## SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN SULTAN PAHANG

SABTU 24 OKTOBER 2015

UTUSAN MALAYSIA - MUKA 5



# UMP jadi pilihan program bertaraf antarabangsa

TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH (tengah), Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (sepuh dari kiri) dan Daing Nasir Ibrahim (sembilan dari kanan) bergambar bersama-sama graduan cemerlang UMP selepas Majlis Konvokesyen ke-10 UMP di Kompleks Sukan Universiti, UMP Kampus Gambang, Pahang.

**MOHD. SHARIZA ABDULLAH**  
utusanakt@utusan.com.my

**S**EJAK ditubuhkan 13 tahun lalu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mengorak langkah dalam mengecapi kecemerlangan menerusi pendidikan berkualiti yang ditawarkan dan seterusnya berusaha menjadikan universiti itu sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

Antara langkah pengantarabangsaan UMP ialah membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan institusi pendidikan di Jerman sekali gus mampu melahirkan graduan berdaya saing.

Model kerjasama akademik bagi program Dwi Ijazah Kejuruteraan Mekanik dan Kejuruteraan Automotif dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) serta Program Dwi Ijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Reutlingen University di Jerman dilihat sebagai

contoh yang cemerlang kepada universiti-universiti lain di negara ini.

Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik UMP-HsKA kini memasuki tahun keenam dan mampu melahirkan graduan yang dapat memenuhi pasaran pekerjaan.

Pelaksanaan program dwi sarjana dengan HsKA juga diperluas melalui kerjasama dengan Reutlingen University dalam menawarkan program kerjasama Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan (Kepujian) yang pertama seumpamanya di negara ini.

Program dwi ijazah mula ditawarkan pada tahun ini bagi membolehkan pelajar memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dan Ijazah Sarjana Muda Operasi Antarabangsa dan Pengurusan Logistik dari Universiti Reutlingen apabila tamat pengajian.

Kerjaya yang berkaitan antaranya eksekutif pengeluaran, jurutera,

perancang pembuatan, jurutera proses kejuruteraan, jurutera industri, eksekutif logistik, eksekutif rantai pembekal, eksekutif projek, eksekutif pembangunan perniagaan dan dalam bidang berkaitan perolehan.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pelajar cemerlang yang memenuhi keperluan akademik berpeluang menyambung pengajian pada tahun ketiga dan keempat di Reutlingen University.

Penguasaan bahasa Jerman yang baik juga membolehkan pelajar berkhidmat dengan syarikat Jerman malahan mereka akan mampu mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan perniagaan dalam organisasi.

Begitu juga dengan jalinan kerjasama dengan Osnabrück University of Applied Sciences pada tahun ini bagi memacu kecemerlangan bidang akademik termasuk dalam hal-hal berkaitan pertukaran pelajar dan kakitangan akademik, pener-

bitan bersama serta penganjuran persidangan yang berupaya melorak pencapaian universiti itu di perisai antarabangsa.

"Bekas Duta Besar Jerman ke Malaysia, Dr. Gunter Gruber banyak memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif pengantarabangsaan UMP melalui kerjasama akademik tersebut dengan universiti-universiti di Jerman sepanjang tempoh perkhidmatannya di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2013.

"Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang merupakan Canselor UMP menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perniagaan) kepada Dr. Gunter atas sumbangannya kepada universiti ini sempena Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-10 baru-baru ini," katanya.

Pelajar UMP digalakkan menjalani latihan industri di luar negara sebagai pendedahan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan lebih berdaya saing. Sebanyak 87.5 peratus alumni UMP mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

UMP terus mengorak langkah dengan menawarkan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) secara luar kampus hasil kerjasama dengan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) sebagai usaha mempelbagaikan kaedah

penawaran program akademiknya terutama di peringkat sarjana.

Program tersebut mampu melahirkan graduan dalam bidang pengurusan pentadbiran yang dapat memenuhi keperluan sektor bioteknologi.

Kewujudan UMP menjadi pemangkin dalam merencanakan pembangunan di Pahang bukan setakat menghasilkan bidang kepakaran di universiti, tetapi juga membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi, memudah cara transformasi untuk membawa manfaat besar kepada penduduk sekitar.

Begitu juga dengan Strategi Lautan Biru yang digarap dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan oleh UMP bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) turut mampu memberikan peserta peluang pekerjaan sekali gus dapat menikmati kehidupan lebih baik.

Menyasarkan penduduk luar bandar yang terdiri dalam kalangan golongan miskin tegar, wanita dan belia, usaha dijalankan sejak empat tahun lalu itu kini mula nampakkan kejayaan menerusi kerjasama erat antara UMP dengan ECERDC.

Bersesuaian dengan kewujudan UMP yang berhampiran dengan kawasan Zon Ekonomi Khas ECER, ia turut menjadi penggerak kepa-

da pelaksanaan Program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang diilhamkan Tengku Mahkota Pahang dan menyasarkan pembangunan akademik serta kemahiran khususnya di Mukim Kuala Pahang.

Program yang dilaksanakan ECER dan UMP itu diterjemahkan menerusi khidmat komuniti yang menjadi medan interaksi antara warga universiti tersebut dengan masyarakat. Ia melibatkan beberapa buah projek yang diusahakan bersama UMP Advanced Education (UAE).

Pelbagai inisiatif yang dijalankan UMP mampu mentransformasikan aras pencapaian sosioekonomi dan taraf hidup kumpulan sasar yang terlibat dalam jangka masa panjang. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan motivasi, kehadiran dan pencapaian akademik pelajar di samping menyuntik semangat mereka dalam menempuh kehidupan dengan lebih maju.

Kewujudan UMP kini bukan sahaja diketahui rakyat dan perkembangannya boleh dilihat, malah penduduk-penduduk setempat turut menerima manfaatnya.

Penglibatan pelajar dalam menjayakan inisiatif berkenaan selain memberi nilai tambah dan melahirkan graduan bersifat futuristik, berfikir baharu dan mempunyai tatasulita tinggi pada masa hadapan juga mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan UMP.